Bil: (34)dlm.JK/MA 16

Tarikh: 3 Februari, 1988

Kepada:

Semua Hakim Mahkamah Sesyen
Semua Penolong Kanan Pendaftar
Semua Majistret Kelas I
Semua Majistret Kelas II
Malaysia.

## Pekeliling Pendaftar (A) No: 3 Tahun 1988

## Penyata-Penyata Kes Mahkamah

1. Adalah dimaklumkan bahawa mulai dari 1hb. Januari, 1988 Mahkamah-Mahkamah dikehendaki menghantar Penyata-Penyata seperti berikut:-

(a) Mahkamah Tinggi

Borang MT1 - Untuk Penyata Bulanan kes-kes sivil.

MT2 - Untuk Jumlah kes-kes sivil yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

MT3 - Untuk Penyata Bulanan kes-kes jenayah.

MT4 - Untuk Jumlah kes-kes jenayah yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

MT5 - Untuk kes-kes jenayah yang melibatkan kepentingan awam.

MT6 - Untuk Jumlah kes-kes jenayah kepentingan awam yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

(b) Mahkamah Sesyen

Borang MS1 - Untuk Penyata Bulanan kes-kes sivil.

MS2 - Untuk Jumlah kes-kes sivil yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

MS3 - Untuk Penyata Bulanan rayuan-rayuan sivil yang tertangguh.

MS4 - Untuk Penyata Bulanan kes-kes jenayah.

MS5 - Untuk Jumlah kes-kes jenayah yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

MS6 - Untuk Penyata Bulanan rayuan-rayuan jenayah yang tertangguh.

MS7 - Untuk kes-kes jenayah yang melibatkan kepentingan awam.

(c) Mahkamah Majistret Kelas I

Borang MM1 - Untuk Penyata Bulanan kes-kes sivil.

MM2 - Untuk Jumlah kes-kes sivil yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

MM3 - Untuk Penyata Bulanan rayuan-rayuan sivil yang tertangguh.

MM4 - Untuk Penyata Bulanan kes-kes jenayah.

MM5 - Untuk Jumlah kes-kes jenayah yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

MM6 - Untuk Penyata Bulanan rayuan-rayuan jenayah yang tertangguh.

MM7 - Untuk kes-kes jenayah yang melibatkan kepentingan awam.

(d) Mahkamah Majistret Kelal II

Borang MMK1 - Untuk Penyata Bulanan jenayah.

MMK2 - Untuk Penyata Bulanan Sivil.

2. (a) Mahkamah Tinggi - Semua penyata-penyata hendaklah dihantarkan kepada Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman, Kuala Lumpur.

(b) Mahkamah Sesyen - Penyata-Penyata MS1, 2, 4 & 5 hendaklah dihantarkan kepada -

(i) Ketua Pendaftar, dan

(ii) Salinannya kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi masing-masing.

Penyata M.S.7 kepada Ketua Pendaftar sahaja.

Penyata M.S.3 & 6 kepada Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi masing-masing.

(c) Mahkamah Majistret - Kelas I - Penyata-Penyata MM1, 2, 4 & 5 kepada -

(i) Ketua Pendaftar, dan

(ii) Salinannya kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi masing-masing.

Penyata M.M.7 kepada Ketua Pendaftar sahaja.

Penyata M.M.3 & 6 kepada Penolong Kanan Pendaftar masing-masing.

(d) Mahkamah Majistret Kelas II - Penyata-Penyata MMK 1 & 2 kepada -

(i) Ketua Pendaftar; dan

(ii) Salinannya kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi negeri masing-masing.

3. (i) Semua ~~penyata-penyata bulanan yang tersebut diatas~~ borang-borang bulanan hendaklah dihantarkan pada atau sebelum 7hb. bulan berikutnya.

(ii) Semua borang-borang tahunan hendaklah dihantar pada awal tiap-tiap tahun berikutnya.

4. Blue Return (No. Courts 139).

(a) dari Mahkamah Sesyen dan Majistret hendaklah dihantarkan kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi masing-masing;

5. Penyata S.117 K.A.J. - bulanan hendaklah dihantarkan kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi masing-masing.

6. Process-Server Return - bulanan hendaklah dihantarkan kepada Hakim Mahkamah Sesyen yang berkenaan.

7. Daily Return -

(a) Mahkamah Sesyen dan Majistret kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi masing-masing.

8. Lain-lain penyata kes yang tidak disebutkan dalam Pekeliling ini tidaklah perlu lagi dan adalah dibatalkan.

(HAIDAR BIN MOHD. NOOR)
Ketua Pendaftar.

s.k. Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Y.A.A. Hakim Besar Borneo
Semua Hakim-Hakim
Mahkamah Tinggi Malaysia.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Pendaftar Mahkamah Tinggi Borneo
Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah.